

# REXOM™ WINA CALAMINE LOTION

Calamine/Zinc oxide/Glycerol (6.8% w/v/6.8% w/v/3.0% v/v)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan REXOM™ Wina Calamine
2. Bagaimana REXOM™ Wina Calamine berfungsi
3. Sebelum menggunakan REXOM™ Wina Calamine
4. Cara menggunakan REXOM™ Wina Calamine
5. Semasa menggunakan REXOM™ Wina Calamine
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan REXOM™ Wina Calamine
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RIMUP

## Apakah kegunaan REXOM™ Wina Calamine

Ia digunakan dalam melegakan ketidakselesaan (cth: kegatalan, kesakitan) kerengsaan kulit, ekzema, geligata, selaran matahari, ruam dan kulit mengelupas.

## Bagaimana REXOM™ Wina Calamine berfungsi

REXOM™ Wina Calamine mengandungi calamine dan zink oksida yang mempunyai kesan astringen.

## Sebelum menggunakan REXOM™ Wina Calamine

### Bila tidak boleh menggunakan

- Ia tidak boleh digunakan jika anda hypersensitif kepada sebarang komponen dari formulasi ini.

### Sebelum menggunakan ubat ini

Mengandung dan menyusukan anak Berbincang dengan doktor anda sebelum mengambil ubat ini jika anda mengandung, mungkin mengandung atau menyusukan anak.

### Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil ubat ini, termasuk mana-mana yang anda dapatkan tanpa preskripsi dari kedai farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan anda.

## Cara menggunakan REXOM™ Wina Calamine

### -Berapa banyak harus digunakan

Sentiasa gunakan REXOM™ Wina Calamine seperti yang ditetapkan oleh doktor anda. Anda perlu menyemak dengan doktor atau ahli farmasi jika tidak pasti.

### Dos biasa

Sapukan losyen dengan sedikit pada kulit yang terlibat dan biarkan sehingga kering.

### -Bila perlu digunakan

Untuk digunakan 1-3 kali sehari. Ambil seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

### -Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan REXOM™ Wina Calamine seperti yang dicadangkan oleh doktor anda. Jika gejala berterusan, dapatkan nasihat doktor anda.

### -Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, tunggu sehingga sampai masa untuk mengambil dos seterusnya dan abaikan dos yang tertinggal. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### -Jika menggunakan berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa telah terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Penggunaan REXOM™ Wina Calamine yang banyak boleh menyebabkan mual, muntah, penekanan pada Sistem Saraf Pusat, kegagalan pernafasan, cecair berlebihan di dalam paru-paru dan kegagalan hati

akibat penyerapan fenol melalui luka besar yang terdedah.

## Semasa menggunakan REXOM™ Wina Calamine

### -Perkara yang perlu dilakukan

- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan REXOM™ Wina Calamine.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa mengambil ubat ini.

### -Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan ambil dos lebih daripada yang disarankan melanckan diberitahu oleh doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan ambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi REXOM™ Wina Calamine dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama.

### -Perkara yang perlu diberi perhatian

Elakkan digunakan pada hidung bayi dan luka besar yang terdedah.

## Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat, REXOM™ Wina Calamine boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang mengalaminya.

Sekiranya kesan sampingan berterusan, jangan ambil ubat dan rujuk kepada doktor.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my)

(Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety).

## Cara penyimpanan dan pelupusan REXOM™ Wina Calamine

### -Penyimpanan

Pastikan penutup ditutup ketat. Simpan di antara 15-30°C. Lindungi daripada

# **REXOM™ WINA CALAMINE LOTION**

Calamine/Zinc oxide/Glycerol (6.8% w/v/6.8% w/v/3.0% v/v)

---

cahaya. Jauhi ubat daripada kanak-kanak.

#### **Pelupusan**

Ubat tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Dapatkan maklumat daripada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

#### **Maklumat lanjut**

##### **Rupa dan warna produk**

Losyen merah jambu.

##### **Bahan-bahan kandungan**

-Bahan aktif

Calamine, Zinc oxide dan Glycerol.

-Bahan-bahan tidak aktif

Menthol crystals, Glycerine, Gum tragacanth, Spirit chloroform, Phenol-camphor, Guar gum, Rhodigel dan Distilled water.

##### **Nombor MAL**

MAL19962491XZ

#### **Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk**

KCK Pharmaceutical Industries Sdn.  
Bhd.

Plot 61, Bayan Lepas Industrial Park  
Phase 4, 11900 Penang,  
Malaysia.

#### **Tarikh kemaskini RIMUP**

30/10/2017

#### **Nombor Siri**

NPRA(R4/1)271017/00288